

## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA  
SEMPENA MAJLIS PERASMIAН  
PAMERAN KEAJAIBAN TAKSIDERMI: KEHIDUPAN ABADI  
& PELANCARAN KEMPEN DERMA KOLEKSI**

**PADA 7 DISEMBER 2021**

**DI DATARAN MUZIUM NEGARA  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

---

**\*\*[senarai salutasi akan disediakan]**

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan inayah-Nya, dapat kita bersama-sama pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Pameran Keajaiban Taksidermi; Kehidupan Abadi & Pelancaran Kempen Derma Koleksi**.
  
2. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia kerana mengundang saya untuk menyempurnakan majlis perasmian pada hari ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran semua,

termasuk yang mengikuti acara ini secara maya, khususnya wakil-wakil muzium serta wakil-wakil media yang sentiasa menyokong program-program dan aktiviti-aktiviti anjuran agensi-agensi di bawah MOTAC terutamanya Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

3. Sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara, akibat daripada pandemik COVID-19 yang melanda negara, semua muzium di negara ini tidak dapat dibuka kepada lawatan orang awam. Namun begitu, kekangan yang dihadapi ini sebenarnya telah mengajar kita untuk bangkit menghargai apa jua yang kita miliki supaya terus diperkasakan, khususnya kaedah dan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat diteruskan walaupun muzium ditutup. Syabas saya ucapkan kepada Jabatan Muzium Malaysia kerana menjadi antara jabatan yang aktif melaksanakan pelbagai program-program berkaitan permuziuman secara maya di sepanjang tempoh PKP.
4. Seingat saya pada 6 April 2021 yang lalu saya telahpun melancarkan “Kempen Kembali Ke Muzium”. Namun pembukaan semula operasi muzium tersebut tergendala beberapa bulan kemudian kerana peningkatan semula jumlah kes COVID-19 di seluruh Negara. Ini menyebabkan semua aktiviti sosial dan rentas negeri tidak dibenarkan termasuklah lawatan ke muzium. Syukur alhamdulillah, kini kebanyakan negeri telah beralih kepada Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 yang membolehkan sektor sosial seperti muzium dibuka semula kepada pelawat dengan pematuhan peraturan SOP yang ditetapkan.

Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian,

5. Hasrat kita adalah untuk memastikan sektor pelancongan, kesenian dan kebudayaan ini dapat pulih dan bangkit semula selaras dengan slogan *Coming Back Stronger*. Justeru hari ini, kita dapat menyaksikan pelbagai aktiviti sudahpun mula beroperasi secara fizikal termasuklah program di bawah permuzuman yang sedia menanti kunjungan para pelawat untuk dilawati seperti Pameran Keajaiban Taksidermi: Kehidupan Abadi ini.
6. Selaras dengan fungsi Jabatan Muzium untuk mengembangkan ilmu pengetahuan masyarakat menerusi pameran-pamerannya, saya yakin penganjuran pameran ini amatlah bertepatan sekali untuk menggalakkan orang ramai datang ke muzium. Semoga pameran ini dapat memberikan pengetahuan mengenai bidang taksidermi yang merupakan salah satu cabang ilmu klasik muzium yang masih relevan hingga kini walaupun ia jarang-jarang diketahui umum.
7. Muzium juga merupakan antara produk pelancongan penting yang berpotensi menyumbang dan menyemarakkan lagi kategori pelancongan budaya atau ‘Culture Tourism’. Pada tahun 2019, JMM menerusi 22 buah muzium dan pameran-pamerannya telah berjaya mengutip hasil pendapatan sebanyak RM3.708 juta berbanding RM2.601 juta pada tahun 2018 dengan kenaikan sebanyak 42.5% (RM1.107 juta). Hasil pendapatan ini diperolehi daripada jualan tiket masuk, jualan penerbitan buku dan sewaan ruang. Kenaikan pendapatan ini selari dengan jumlah khalayak yang mengunjungi muzium pada tahun 2019 yang mencecah 2.782 juta orang, berbanding 2.353 juta pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak 18.2% (429,115 orang). Namun begitu, susulan pandemik COVID-19 yang melanda, sektor permuzuman telah

mengalami pengurangan pendapatan dengan jumlah pengunjungnya merosot sehingga melebihi 70% bagi tahun 2020 dan 2021.

8. Sesungguhnya saya yakin bahawa penganjuran pameran seumpama ini merupakan langkah yang terbaik ke arah meningkatkan potensi muzium sebagai salah satu penyumbang utama kepada usaha kerajaan untuk menjana semula sektor ekonomi negara. Inisiatif ini, saya percaya, akan memberi lebih banyak pilihan dengan pelbagai variasi produk-produk pelancongan negara. Malah bukan sekadar melancong, muzium sebenarnya merupakan destinasi pelancongan yang menawarkan pelbagai informasi bermanfaat khususnya ilmu yang berteraskan sejarah, budaya dan alam semulajadi negara.

Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian,

9. Hampir setiap negara di seluruh dunia mempunyai muzium sejarah alam atau *Natural History Museum* masing-masing yang mana objektif penubuhannya untuk memamer dan mendidik masyarakatnya tentang kepelbagaian fauna dan flora yang terdapat di negara mereka dan seluruh negara amnya. Keunikan haiwan-haiwan awet yang dipamerkan akan terus kekal sehingga hari ini hasil daripada kerja teliti para ahli taksidermi mereka yang terlatih selain para konservator muzium yang sentiasa memastikan spesimen sentiasa selamat dan terpelihara. Di negara kita, Jabatan Muzium Malaysia ini adalah institusi yang bertanggungjawab menjaga dan memelihara sebahagian besar spesimen-spesimen fauna terawet yang menjadi warisan negara ini. Ada diantaranya telah berusia lebih ratusan tahun, malah ada juga antaranya telah mengalami kepupusan.

10. Di peringkat Persekutuan, kita masih belum mempunyai sebuah muzium yang khas untuk memamer tentang keunikan dan kepelbagaian flora dan fauna negara. Saya difahamkan bahawa Jabatan Muzium Malaysia telah lama berusaha untuk membangunkan muzium berkenaan sejak diluluskan kabinet pada tahun 1989 lagi, namun telah menempuh pelbagai kekangan yang tidak dapat dielakkan. Saya selaku Menteri yang bertanggungjawab akan terus menyokong usaha berkenaan dan berharap inisiatif ini dapat direalisasikan satu hari nanti supaya Malaysia tidak ketinggalan berbanding negara serantau seperti Singapura, Thailand, Filipina dan Vietnam yang sudahpun mempunyai *Natural History Museum* masing-masing.

11. Pada hari ini, JMM akan melakar satu lagi sejarah apabila mengambil kesempatan ini untuk melancarkan Kempen Derma Koleksi yang diadakan bagi mempromosi dan menggalakkan masyarakat untuk menyumbang koleksi persendirian yang mempunyai nilai sejarah, seni, budaya dan alam semulajadi kepada pihak muzium. Usaha ini dilaksanakan bertujuan untuk menyimpan dan melindungi koleksi persendirian yang bernilai tinggi kepada negara, daripada menghadapi risiko kehilangan, kerosakan dan kemasuhan.

12. Semoga usaha ini juga dapat meningkatkan semangat kebersamaan antara JMM dan orang ramai untuk memelihara khazanah warisan kita bersama. Saya percaya, JMM telah merangka pelbagai program dan aktiviti bagi memupuk kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan menderma atau menghadiahkan koleksi milik mereka kepada muzium. Hasrat ini selari dengan 3 teras Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DAKEN) yang telah dilancarkan pada 26

Oktober 2021 iaitu Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan, Pembangunan dan Pengembangan serta Pemerkasaan Budaya.

13. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga Jabatan Muzium Malaysia yang telah berusaha untuk merencanakan pameran ini. Saya berharap agar pameran ini akan dapat mencapai objektifnya dan mampu menarik lebih ramai pelawat untuk berkunjung semula ke muzium. Penghargaan juga saya ucapkan di atas kesungguhan dan usaha Jabatan Muzium Malaysia untuk meningkatkan jumlah perolehan koleksi negara melalui pelancaran Kempen Derma Koleksi pada hari ini.

14. Dengan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan rasa penuh sukacitanya, merasmikan Pameran Keajaiban Taksidermi: Kehidupan Abadi dan melancarkan Kempen Derma Koleksi.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.